

# **ISNAD AL-HADITH SEBAGAI ETIKA MAKLUMAT ISLAM : SATU PENGENALAN**

oleh  
Ishak Hj. Sulaiman

## **Abstract**

*This article attempts to discuss the role of Isnad al-Hadith in developing the ethics of information retrieval among muslims. Particular attention is paid to the categories of the quality of Isnad al-Hadith such as sahih, hasan and daif.*

## **Muqaddimah**

Perkembangan teknologi maklumat masakini sewajarnya dikuasai oleh umat Islam secara objektif, profesional dan beretika. Islam sebagai addeen yang universal telah menyediakan asas-asas ilmu tradisi yang ampuh untuk menangani perubahan sosial yang global dan drastik. Di antara disiplin ilmu Islam yang mempunyai kaitan rapat dengan ilmu maklumat ini ialah ‘Ilm Isnad al-Hadith. Melalui ilmu ini, umat Islam akan dapat membentuk prinsip-prinsip etika maklumat yang bertamadun dan selamat kerana dengan maklumatlah manusia membuat keputusan, justifikasi dan tindakan di dalam semua aspek kehidupan. Walaupun pengkajian ‘Ilm Isnad al-Hadith secara khususnya berkaitan dengan Nabi s.a.w. yang membahaskan mengenai kategori rangkaian perawi dan aspek-aspek lain, tetapi secara umumnya terdapat aspek-aspek yang boleh dimanfaatkan bagi merangka etika maklumat Islam. Di dalam konteks ini etika maklumat dimaksudkan sebagai prinsip atau nilai moral yang dijadikan landasan semasa proses penerimaan dan penyampaian sesuatu maklumat. Justeru artikel ini akan cuba mengupas sebagai satu pengenalan tentang kepentingan ‘Ilm Isnad al-Hadith di dalam membentuk etika maklumat khususnya bagi umat Islam.

## **Isnad al-Hadith dan Kepentingannya**

Di dalam pengkajian Ilmu Hadith, aspek *Sanad al-Hadith* atau yang biasa disebut dengan *Isnad al-Hadith* ialah penjelasan tentang jalan rangkaian perawi yang menyampaikan kepada (teks) *matn al-Hadith* Nabi s.a.w.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> al-Khatib. 'Ajjaj. *Usul al-Hadith: 'Ulumuha wa Mustalahahu*. Beirut. 1975. h.32

Maksud orang yang melakukan periyawatan *Hadith* di antaranya ialah melakukan kegiatan menerima *Hadith* dari periyawat *Hadith* dan menyampaikannya kepada orang lain dengan disebutkan rangkaian periyawatnya.<sup>2</sup> Sehubungan itu, meneliti aspek *sanad Hadith* merupakan di antara persoalan penting bagi menentukan keabsahan sesuatu maklumat ataupun kesahihan sesuatu *Hadith*.

Sebenarnya sejarah sistem isnad ini telah pun bermula di zaman awal Islam semasa perkembangan kesusasteraan puisi Arab. Para penyair khususnya telah menggunakan sistem ini di dalam menyampaikan syair-syair yang dilakukan di kalangan para penyair dan orang ramai.<sup>3</sup> Ini menunjukkan bahawa sistem isnad ini berfungsi bukan sahaja untuk menyampaikan Hadith Nabi s.a.w. tetapi maklumat-maklumat lain seperti syair, berita-berita daripada pemimpin dan berbagai lagi jenis maklumat.

Menurut Ibn Sirin (m.110H), selepas berlaku peristiwa ‘ifk (fitnah) iaitu ‘Aishah difitnah berlaku curang dengan lelaki lain iaitu selain RasuluLlah s.a.w., yang membawa kepada penurunan ayat 11-13 dari Surah al-Nur, maka sistem Isnad semakin diperluaskan dimana semua berita mestilah diabsahkan dengan dinilai si pembawa berita tersebut.<sup>4</sup> Al-Quran turut menegaskan betapa pentingnya keabsahan maklumat melalui penilaian terhadap kualiti si penyampai maklumat. Penurunan ayat 6 dari Surah al-Hujurat secara khususnya terhadap Walid b. ‘Uqbah yang berdusta terhadap RasuluLlah s.a.w. sehingga Allah s.w.t. mengingatkan orang-orang beriman supaya memeriksa terhadap si penyampai maklumat dengan teliti supaya mengelakkai dari salah faham terhadap orang lain berdasarkan maklumat yang diterima.<sup>5</sup>

Firman Allah s.w.t. di dalam Surah al-Hujurat : 6,

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءَكُفَّارٌ مُّتَبَّعُو أَنْ تُصْبِّحُوا فَوْمًا بِهَذَلِهِ فَتُنْصِبُّهُو عَلَى  
ما فَعَلْتُمْ  
◎

“Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasiq, membawa berita, maka selidiklah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya tidak menimpa sesuatu

<sup>2</sup> al-Suyuti, *Tadrib al-Rawi*, Kaherah, t.t, Jil.2, h.225

<sup>3</sup> Nasir al-Asad, *Masadir al-Shi'r al-Jahili*, ed.(Cairo, 1962). h.245

<sup>4</sup> al-Suyuti, *Tafsir wa Bayan ma'a Asbab al-Nuzul*, ed. Mohd. Hussein, t.t. Beirut, h.350

<sup>5</sup> Ibn Hajar, *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*, ed. Ali Muhammad, Qahirah, 1972Jil.3, h.637 dan Ibn 'Abd. al-Barr, *Kitab al-Isti'ab fi 'Asma' al-Ashab*, Beirut, 1978, Jil.3, h.631

*kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu mengenainya sehingga menyebabkan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.*”

Daripada kenyataan di atas dapatlah difahami bagaimana para ulama’ di dalam Ilmu *Isnad al-Hadith* ini telah mencipta kaedah *al-Jarh wa al-Ta’dil* iaitu menilai tentang keadilan dan kelemahan seseorang perawi atau penyampai maklumat dengan manhaj yang tertentu bagi mengabsahkan maklumat yang dibawanya.

Bagi Ibn Khaldun, ulama’ Hadith dalam meneliti berita yang berkaitan dengan persoalan agama amat menitikberatkan kepada kualiti si pembawa berita tersebut. Jika si pembawa berita terdiri dari individu yang berkualiti dan boleh dipercayai, maka berita itu dikatakan sahii. Sekiranya pembawa berita tersebut diragui dan tidak dipercayai maka berita itu tidak boleh dijadikan hujah dalam agama.<sup>6</sup>

Sufyan al-Thawri pula mengumpamakan isnad ini sebagai senjata bagi orang mu’mín dan jika tiada senjata dengan apakah akan digunakan untuk berperang.<sup>7</sup> Dan Bagi Abdullah al-Mubarak, isnad ini merupakan sebahagian daripada agama, kerana tanpa isnad ini orang akan berkata mengikut kemahuannya sahaja.<sup>8</sup>

Daripada penjelasan di atas, jelaslah betapa pentingnya ‘Ilm *Isnad al-Hadith* khususnya bagi mempastikan kesahihan sesuatu Hadith Nabi s.a.w.. Dan ilmu ini amat wajar dijadikan sebagai landasan bagi menilai sebarang maklumat yang diperolehi khususnya di dalam konteks media massa masa kini.

### **Kategori Kualiti Maklumat Di dalam *Isnad al-Hadith***

Melalui *Isnad al-Hadith*, keabsahan maklumat banyak bergantung kepada kualiti perawi atau si penyampai maklumat. Walaupun begitu, ini tidak bermakna bahawa ulama Hadith mengabaikan pengkajian terhadap kualiti *Matan al-Hadith*. Ini kerana di dalam kaedah kesahihan Hadith, sebahagian syarat yang wajar dipenuhi ialah matan (teks) dan sanad Hadith itu mestilah terhindar dari kejanggalan (shudhudh) dan cacat (illah). Walaubagaimanapun perbincangan kali ini lebih menfokuskan terhadap kategori kualiti *Isnad al-Hadith* daripada kualiti *Matan al-Hadith*.

<sup>6</sup> Ibn Khaldun. *Muqaddimah*, Dar al-Fikr, t.t., h.37

<sup>7</sup> Nur al-Din ‘Itr. Dr.. *Manhaj al-Naqd fi ‘Ulum al-Hadith*, 1992, Damshiq, h.244

<sup>8</sup> *Ibid.*

Di dalam *Isnad al-Hadith*, setelah melalui proses -proses tertentu, maka Hadith atau maklumat tersebut akan dikategorikan kepada tiga kategori kualiti atau peringkat iaitu, sahih, hasan dan daif.

Bagi menghasilkan kualiti Hadith Sahih melalui *Isnad al-Hadith*, maka para ulama' Hadith telah menggariskan syarat atau kriteria yang wajar dipenuhi oleh sesuatu sanad Hadith bagi mencapai tahap Hadith yang sahih.

### Kategori Sahih

Bagi Ibn Hajar, di antara kriteria Hadith sahih ialah Hadith yang bersambung sanadnya, diriwayatkan oleh orang yang *adil* dan *dabit* serta tidak terdapat di dalam Hadith itu kecacatan (*illah*) dan kejanggalan (*shudhudh*).<sup>9</sup>

Pandangan Ibn Hajar di dalam hal ini adalah sama dengan pandangan ulama' Hadith seperti Jalal al-Din al-Suyuti (m.911H/1505M), Ibn al-Salah (m.643H/1245M), al-Nawawi (m.676H/1277H) dan Jamal al-Din al-Qasimi (m.1332H/1914M).<sup>10</sup>

Daripada pandangan ulama ini jelas menunjukkan bahawa kriteria sesuatu Hadith sahih banyak bergantung kepada aspek sanad. Sekiranya sanad sesuatu Hadith mempunyai kriteria sahih, maka Hadith itu pun mencapai tahap sahih. Oleh yang demikian terdapat lima kriteria sanad Hadith sahih yang digariskan seperti berikut;

- i. Sanad sesuatu Hadith itu mestilah bersambung.
- ii. Semua periyat di dalam sanad sesuatu Hadith mempunyai kriteria '*adil*'.
- iii. Semua periyat di dalam sanad sesuatu Hadith mempunyai kriteria *dabit*.
- iv. Sanad yang terdapat di dalam sesuatu Hadith itu terhindar dari *shudhudh* atau janggal.
- v. Sanad yang terdapat di dalam sesuatu Hadith itu terhindar daripada '*illah*' atau cacat.

Bagi menghuraikan setiap kriteria di atas, ulama'-ulama' Hadith termasuklah Ibn Hajar telah memberikan pandangan masing-masing berhubung hal ini. Menurut ulama' Hadith, maksud sanad Hadith yang bersambung ialah tiap-tiap periyat dalam sanad Hadith menerima riwayat Hadith dari periyat yang

<sup>9</sup> Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazar*, ed. Beyrut, 1993, h.39

<sup>10</sup> Lihat Ahmad Muhammad Shakir, *Sharh alfiyyah al-Suyuti fi 'ilm al-Hadith*, h.3, Ibn al-Salah. *Op.cit.*, h.10, al-Nawawi, *al-Taqrib*, h.2 dan Jamal al-Din al-Qasimi, *Qawaid al-Tahdith*, h.79

terdekat sebelumnya. Keadaan seperti ini berlaku sampailah akhir sanad di dalam sesuatu Hadith tersebut.<sup>11</sup>

Kriteria kedua ialah periyat mestilah bersifat ‘*adil*. Dari sudut bahasa, kalimah ‘*adil* mempunyai banyak pengertian. Di antara maksud ‘*adil* ialah keadilan, pertengahan, lurus dan condong kepada kebenaran.<sup>12</sup> Bagi Ibn Hajar, maksud ‘*adil* yang lebih khusus di dalam kontek ini ialah taqwa, memelihara muru’ah, tidak berbuat dosa besar seperti syirik, tidak berbuat bid’ah dan tidak melakukan perbuatan fasiq.<sup>13</sup>

Berhubung dengan kriteria yang ketiga iaitu periyat Hadith mestilah bersifat *dabit*. Menurut Ibn Hajar dan disokong pula oleh al-Sakhawi, yang dimaksudkan sebagai perawi yang *dabit* atau *dabit tamm* ialah orang yang kuat hafalannya tentang apa yang telah didengarnya dan mampu menyampaikan hafalannya itu bila sahaja dikehendaki.<sup>14</sup>

Menurut al-Jurjani dan Abu Zahrah, *dabit* di sini bermaksud sebagai orang yang mendengar sesuatu berita dan memahami dengan sebaiknya, kemudian mampu menghafalnya dengan baik dan boleh menyampaikan hafalan tersebut dengan sebaiknya.<sup>15</sup> Sebenarnya pandangan ini mempunyai ciri-ciri persamaan dengan pandangan Ibn Hajar. Di samping itu, pandangan di kalangan ulama Hadith yang lain juga berhubung hal ini adalah hampir sama.

Berhubung persoalan perawi yang *dabit* ini, Ibn Hajar telah mengakategorikan secara umum kepada dua bahagian iaitu *dabit sadr* dan *dabit kitab*. Bagi Ibn Hajar, yang dimaksudkan dengan *dabit sadr* di kalangan perawi ialah seperti yang diuraikan di atas iaitu berhubung dengan hafalan dan kefahaman perawi itu sendiri. Manakala *dabit kitab* bermaksud periyat yang memahami dengan baik Hadith yang ditulis di dalam kitabnya sendiri dan boleh mengetahui sebarang kesilapan sekiranya ada di dalam kitab tersebut.<sup>16</sup> Berdasarkanuraian ini jelaslah tentang kepentingan *dabit* sebagai salah satu kriteria perawi yang penting bagi Hadith sahih.

<sup>11</sup> Muhammad al-Sabbagh, *al-Hadith al-Nabawi*, h.162 dan Subhi al-Salih, *Ulum al-Hadith*, h.145

<sup>12</sup> Lihat Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, Juz.13, h.456

<sup>13</sup> Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazar*, h.54

<sup>14</sup> *Ibid.*, h.40 dan al-Sakhawi, *al-Qawl al-Badi*, Juz.1, h.18.

<sup>15</sup> al-Jurjani, *Kitab al-Ta'rifat*, h.137 dan Abu Zahrah, *Usul al-Fiqh*, h.232

<sup>16</sup> Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazar*, h.44

Kriteria yang keempat bagi perawi Hadith sahih ialah terhindar dari *shadh* atau janggal. Berhubung persoalan ini, bagi Ibn Hajar, lawan kepada Hadith yang *shadh* ialah Hadith yang *mahfuz*.<sup>17</sup> Keadaan ini di sebabkan di dalam Hadith yang *shadh* mengandungi sanad yang lebih dari satu dan seluruh perawinya adalah *thiqah*. Walaupun begitu, matan atau sanad di dalam Hadith *shadh* ini wujud keadaan yang berlawanan dan bertentangan hingga menampakkan kejanggalan.<sup>18</sup> Oleh yang demikian, sekiranya keadaan tersebut tidak wujud di dalam sesuatu Hadith, maka ianya dinamakan *Hadith Mahfuz*.

Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas berhubung persoalan ini dibawakan contoh Hadith yang mengandungi sebahagian sanadnya di dalam keadaan shadh.<sup>19</sup>

حدثنا سفيان عن عمرو عن عوسجة عن ابن عباس رجل مات على عهد رسول  
الله ﷺ ولم يترك وارثا إلا عبدا هو أعمقه فاعطاه النبي ﷺ ميراثه

Berdasarkan analisis Ibn Hajar, matan Hadith ini mempunyai beberapa sanad. Di antara sanad di dalam Hadith ini ialah melalui Sufyan b. 'Uyaynah. Terdapat juga sanad bagi Hadith ini melalui al-Hussein b. Aswad. Selain dari itu terdapat juga sanad melalui Hammad b. Zayd bagi Hadith ini.

Melalui sanad daripada Sufyan b. 'Uyaynah dan Hammad b. Zayd adalah bersambung melalui 'Amr b. Dinar, Awsajah, Ibn 'Abbas dan terus kepada Rasulullah s.a.w..

Manakala sanad al-Hussein b. Aswad adalah bersambung melalui Yahya b. Adam, Sharik, Jibril, Ibn Buraidah dan terus kepada Nabi s.a.w. tanpa terlebih dahulu melalui Ibn 'Abbas. Perlu dinyatakan di sini kesemua periwayat Hadith tersebut memiliki sifat *thiqah*. Walaupun begitu, di sebabkan sanad al-Hussein b. Aswad menyalahi sanad-sanad yang lain, maka sanadnya dianggap sebagai sanad yang *shadh*. Manakala sanad seperti Sufyan b. 'Uyaynah dan Hammad b. Zayd dianggap sebagai sanad yang *mahfuz*.<sup>20</sup>

Daripada huraian yang dibuat oleh Ibn Hajar dan al-Suyuti berhubung persoalan ini nampaknya telah menjelaskan lagi bagaimana kedudukan sanad yang *shadh* dan *mahfuz* boleh mempengaruhi kedudukan sesuatu Hadith.

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> Ibid., al-Nawawi, *Taqrib*, h.10. Ibn Kathir, *Ikhtisar 'Ulum al-Hadith*, h.37 dan al-Suyuti, *Tadrib al-Rawi*, Jil. I, h.248

<sup>19</sup> Lihat Turmudhi, *Sunan*, Juz.3, h.286 dan Ibn Majah, *Sunan*, Juz.2, h.915

<sup>20</sup> Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazar*, h.69 dan al-Suyuti, *Tadrib*, h.235

Kriteria atau syarat yang kelima bagi Hadith sahih ialah sanad sesuatu Hadith terhindar dari 'illah atau cacat. Di dalam menghuraikan 'illah di dalam sanad, Ibn Hajar mengakui bahawa persoalan ini agak rumit dan tidak ramai ulama' Hadith yang mampu meneliti kerana Hadith yang mengandungi sanad 'illah ini secara umumnya seperti sanad sahih.<sup>21</sup>

Sehubungan dengan itu terdapat di kalangan ulama menghuraikan maksud 'illah di sini yang diantaranya iaiah sanad yang terputus dan perawi yang lemah.<sup>22</sup> Bagi menjelaskan persoalan ini dibawakan satu Hadith yang dipetik dari musnad Imam Ahmad Ibn Hanbal seperti berikut:<sup>23</sup>

حدثنا حجاج قال ابن جرير أخبرني موسى بن عقبة عن سهيل بن أبي صالح  
عن أبيه عن أبي هريرة عن النبي ﷺ قال من جلس في مجلس كثي ففيه لفظه فقال قبل  
أن يقوم سبحانك ربنا وبحمدك لا إله إلا أنت أستغفر لك ثم أتوب إليك لا غفر الله  
له ما كان في مجلسه ذلك

Menurut al-Hakim yang berdasarkan pandangan dari al-Bukhari, Musa b. 'Uqbah tidak pernah mendengar dan menerima Hadith dari Suhayl b. Abi Salih. Sedangkan periyat yang menerima Hadith tersebut ialah Musa b. Ismail. Keadaan ditambah puia dengan terputus sanadnya di antara Musa b. 'Uqbah dengan Suhayl b. Abi Salih. Di sebabkan faktor inilah maka sanadnya dikatakan mengandungi cacat atau 'illah.<sup>24</sup>

Penjelasan di atas membuktikan bahawa penilaian yang menyeluruh dilakukan terhadap perawi Hadith bagi memperolehi kualiti Hadith Nabi s.a.w. yang dikategorikan sebagai sahih. Kategori Hadith Nabi s.a.w. yang sahih ini merupakan kategori yang utama di mana ianya boleh menjadi sumber hukum Islam yang berautoriti selepas Al-Quran. Dan apabila kualiti sahih gagal dicapai ataupun kurang memenuhi melalui kriteria di atas, maka ianya mungkin akan turun ke kategori hasan ataupun daif.

### **Kategori Hasan**

Di dalam memberikan pendefinisan terhadap sanad Hadith Hasan, Ibn Hajar mempunyai pandangan yang sama dengan al-Suyuti. Menurut Ibn Hajar, Hadith Hasan ialah Hadith yang mempunyai sanad yang bersambung, yang diriwayatkan

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Ibn al-Salah, *Muqaddimah*, h.82 dan al-Nawawi, *Taqrib*, Jil.1, h.258

<sup>23</sup> Ibn Hanbal, *Musnad*, Juz.2. h.494

<sup>24</sup> al-Hakim, *Ma'rifat 'Ulum al-Hadith*, ed., Kaherah.t.t, h.113

oleh perawi yang adil tetapi kurang ketepatannya (*khafif al-dabit*) serta tidak terdapat *shudhudh* dan *'illah*.<sup>25</sup>

Di samping itu, Hadith Hasan ini terbahagi kepada dua iaitu, pertama; *Hasan Lizatih* dan kedua; *Hasan Lighayrih*. Menurut Subhi Salih, sanad Hasan Lizatih telah mencapai tahap sahibh dari sudut syarat-syaratnya. Walaubagaimanapun ia kurang sedikit daripada sanad Hadith Sahih di sebabkan para perawinya mempunyai ingatan yang kurang sempurna daripada perawi Hadith Sahih.<sup>26</sup> Manakala sanad Hadith *Hasan Lighayrih* dimaksudkan sebagai Hadith yang mempunyai perawi yang terdapat di dalam sanadnya yang benar-benar tidak berkeahlian tetapi tidak dinafikan keahlianya dalam bidang Hadith.<sup>27</sup>

Berhubung persoalan ini, al-Turmudhi telah mencipta satu istilah yang dikenali dengan Hadith *Hasan Sahih*. Menurut beliau, Hadith Hasan apabila diriwayatkan daripada saluran lain boleh mencapai taraf sahibh.<sup>28</sup> Melalui cara ini, Hadith tersebut akan saling dapat memperkuatkan di antara satu sama lain. Walaubagaimanapun hujah yang dibawa oleh al-Turmudhi ini sebenarnya masih mempunyai kesamaran dan sukar untuk difahamkan.

Bagi menyokong hujah al-Turmudhi ini, Ibn Hajar telah menegaskan bahawa kenyataannya itu sama sahaja dengan kata-kata ulama yang menyifatkan perawi dengan perkataan seperti berikut; *saduq* (benar) sahaja atau *saduq* serta *dabit*.<sup>29</sup> Sehubungan dengan itu, perkataan yang pertama (*saduq* sahaja) menunjukkan keadaan perawi yang sahibh dan begitu jugalah dengan perkataan tersebut maka ianya tidak menimbulkan sebarang kesamaran dan kesukaran. Keadaan yang sama juga berlaku apabila disatukan antara dua patah perkataan iaitu *sihah* dan *hasn*.<sup>30</sup>

Menurut al-Suyuti, terdapat satu contoh Hadith yang pada asalnya bertaraf Hadith Hasan telah bertukar kepada taraf Hadith Sahih dengan melalui cara seperti yang disebutkan oleh al-Turmudhi iaitu Hadith Hasan Sahih.<sup>31</sup>

<sup>25</sup> Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazar*, h.63 dan al-Suyuti, *Tadrib*, h.42

<sup>26</sup> Subhi Salih, *'Ulum al-Hadith*, h.154

<sup>27</sup> Ibn Salah, *Muqaddimah*, h.27; al-Sakhawi, *al-Qawl al-Badi'*, Juz.1, h.66 dan al-Qasimi, *Qawa'id*, h.102.

<sup>28</sup> Ahmad Muhammad Shakir, *Sharh alfiyah al-Suyuti*, h.43

<sup>29</sup> al-Suyuti, *Tadrib*, h.53

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> *Ibid.*

Nabi s.a.w. telah bersabda<sup>32</sup> yang bermaksud;

*"Sekiranya tidak menjadi kepayahan ke atas umatku, nescaya aku perintahkan supaya bergosok gigi setiap kali hendak solat."*

Daripada keterangan di atas telah menjelaskan bahawa Hadith Hasan Sahih boleh dijadikan hujah dan beramal dengan pengajaran atau hukum yang terkandung di dalamnya melalui beberapa kaedah, walaupun tidak mencapai kualiti sahih. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat kriteria yang tidak memenuhi kategori hasan, apatahlagi sahih maka kemungkinan ianya boleh dikategorikan sebagai daif iaitu yang paling lemah sekali.

### Kategori Daif

Majoriti ulama' Hadith mendefinisikan sanad Hadith daif ialah sanad Hadith yang tidak memenuhi salah satu atau seluruh syarat sanad Hadith sahih ataupun sanad Hadith hasan.<sup>33</sup>

Di dalam menghuraikan persoalan sanad Hadith daif ini para ulama' Hadith telah mengkategorikannya kepada banyak bahagian berdasarkan kepada pemahaman masing-masing. Bagi Ibn Hajar, secara umumnya sanad Hadith daif ini terbahagi kepada lima kategori iaitu *mu'allaq*, *mursal*, *mu'dal*, *munqati'* dan *mudallas*.<sup>34</sup> Manakala Ibn Hibban al-Busti (m.354H/965M) mengkategorikan sanad Hadith daif kepada 49 kategori.<sup>35</sup> Walaupun jumlah sanad Hadith daif ini tidak disepakati oleh ulama Hadith, tetapi keadaan ini dapat menunjukkan bahawa kategori sanad Hadith daif ini terlalu banyak.

Bagi Ibn Hajar, dari sudut bahasa, *mu'allaq* bererti tergantung dan yang dimaksudkan di sini ialah perawi diawal sanad di dalam sesuatu Hadith gugur atau terputus samada seorang atau lebih secara berurutan.<sup>36</sup> Walaubagaimanapun Hadith *Mursal* ini merupakan Hadith *marfu'* kerana disandarkan kepada Nabi s.a.w.

Maksud sanad Hadith *mursal* menurut majoriti ulama' Hadith termasuk Ibn Hajar iaitu sanad Hadith yang disandarkan langsung kepada Nabi s.a.w. oleh Tabi'

<sup>32</sup> al-Turmudhi, *Sunan*, h.53

<sup>33</sup> al-Nawawi, *Taqrib*, h.5; al-Suyuti, *Tadrib*, Jil.1,h.179 dan Subhi Salih, 'Ulum al-Hadith, h.165

<sup>34</sup> Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazar*, h.77

<sup>35</sup> Ibn al-Salah, *Muqaddimah*, h.37

<sup>36</sup> Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazar*, h.77

tanpa terlebih dahulu disandarkan kepada sahabat Nabi s.a.w.<sup>37</sup> Manakala maksud sanad Hadith *mu'dal* ialah sanad Hadith yang terputus dengan bilangan dua orang perawi atau lebih secara berurutan.<sup>38</sup>

Contoh Hadith *mu'dal* ialah seperti al-Shafi'i menyatakan terus di dalam kitabnya dengan maksud, ... telah bersabda Rasulullah s.a.w.....". Menurut ulama' Hadith, Hadith tersebut ialah *Hadith mu'dal* kerana tidak menyebut dua atau tiga orang perawi secara berurutan khususnya dari generasi al-Sahabah dan generasi al-Tabi'in, sedangkan al-Shafi'i hidup selepas dua zaman tersebut.<sup>39</sup>

Bagi sanad Hadith *munqati'*, Ibn Hajar, al-Suyuti dan al-Iraqi memberi pengertian iaitu sanad di dalam sesuatu Hadith yang gugur seorang atau dua orang tidak secara berurutan.<sup>40</sup> Manakala sanad Hadith *mudallas* telah dibahagikan kepada dua iaitu *tadlis al-isnad* dan *tadlis al-shuyukh*.<sup>41</sup>

Maksud *tadlis al-Shuyukh* ialah perawi sesuatu Hadith menyatakan telah menerima Hadith tersebut dari perawi tertentu yang hidup sezaman dengannya, sedangkannya di antara mereka tidak pernah bertemu. Oleh yang demikian di dalam sanad ini berlaku perawi yang digugurkan khususnya yang lemah dengan tujuan supaya dinilai baik oleh orang lain.<sup>42</sup> *Tadlis al-Shuyukh* menurut ulama Hadith bermaksud perawi sesuatu Hadith menyebut secara salah mengenai identiti sheikh atau gurunya yang pernah menyampaikan Hadith kepadanya. Di antara kesalahan sebutan itu seperti salah dari sudut nama, gelaran, keturunan, sifat dan nama tempat kediaman guru tersebut. Di dalam banyak keadaan kesalahan ini dilakukan secara sengaja dengan tujuan Hadith yang diriwayatkannya lebih berkualiti.<sup>43</sup>

Sesungguhnya persoalan yang dibincangkan tadi merupakan di antara persoalan yang berhubung rapat dengan kualiti sanad Hadith khususnya di kalangan perawi Hadith yang tercela dari sudut *adil* dan *dabit*. Berhubung hal ini, Ibn Hajar sebenarnya telah meluaskan lagi perbincangan apabila beliau mengkategorikan sepuluh peringkat perawi yang tercela. Daripada sepuluh

<sup>37</sup> Ibid., Ahmad Muhammad Shakir, *Shark al-siyah al-Suyuti*, h.26. Subhi al-Salih, 'Ulum al-Hadith, h.126 dan al-Khatib, *Usul*, h.337

<sup>38</sup> Ibid.

<sup>39</sup> Ibn al-Salah, 'Ulum al-Hadith, h.54 dan al-Khatib, *Ibid.*, h.340

<sup>40</sup> Ibn Hajar, *Op.cit.*, h.78 dan al-Suyuti, *Op.cit.*, Jil.1, h.208

<sup>41</sup> Ibid.

<sup>42</sup> Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazar*, h.79.

<sup>43</sup> Ibid.

peringkat tersebut telah menghasilkan pula beberapa istilah yang berhubung dengan Hadith daif.

Berikut dinyatakan peringkat sifat perawi yang tercela:<sup>44</sup>

- i. *al-Khadhib*, maksudnya, dikenali sebagai suka berdusta
- ii. *al-Tuhmah bi al-kadhib*, maksudnya; yang dituduh telah berdusta
- iii. *Fahusha ghalatuhu*, maksudnya, riwayat yang salah lebih banyak daripada yang benar.
- iv. *al-Ghaflah 'an al-itqan*, maksud; lebih menonjol sifat lupa daripada hafalan
- v. *al-Fisq*, maksudnya, perbuatan dan perkataan fasiq tetapi belum sampai menjadi kafir
- vi. *al-Wahm*, maksudnya; periwayatan yang dilakukannya memang dijangka mengandungi kekeliruan
- vii. *al-Mukhalafah an al-Thiqah*, maksudnya, periwayatannya berlawanan dengan periwayatan orang-orang thiqah
- viii. *al-Jahalah*, maksudnya; tidak dikenalpasti keadaan peribadi tersebut.
- ix. *al-Bid'ah*, maksudnya; melakukan bid'ah yang menuju fasiq tetapi belum menjadi kafir.
- x. *su' al-hifz*, maksudnya; lemah hafalan sehingga riwayatnya banyak yang salah dan sedikit sahaja betul.

Menurut Ibn Hajar, 5 peringkat yang pertama dari 10 peringkat tersebut merupakan sifat-sifat tercela yang merosakkan sifat ‘adil di kalangan perawi, manakala 5 peringkat yang berikutnya merosakkan sifat dabit di kalangan perawi.<sup>45</sup> Daripada 10 peringkat perawi-perawi yang tercela ini, Hadith daif telah dikategorikan lagi kepada beberapa pecahan oleh ulama Hadith. Walaupun bagitu, persoalan ini tidak akan dilanjutkan untuk membincangkan setiap kategori tersebut secara terperinci.

Berhubung dengan Hadith daif ini, telah timbul persoalan yang berkaitan dengan hukum meriwayatkannya dan mengamalkan pengajaran yang tidakandung di dalamnya. Bagi menjawab persoalan ini, kebanyakkan ulama’ Hadith secara umumnya membenarkan periwayatan Hadith daif dengan lafadz yang menunjukkan kelemahan (daif) sesuatu Hadith walaupun tidak diterangkan sebab kedaifan Hadith tersebut secara terperinci.<sup>46</sup>

<sup>44</sup> *Ibid.*

<sup>45</sup> Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazar*, h.99

<sup>46</sup> al-Nawawi, *Taqrib*, h.5; al-Suyuti, *Tadrib*, Jil.1, h.179 dan Ibn al-Salah, *Muqaddimah*, h.165

Di dalam persoalan mengamalkan dari aspek pengajaran yang terkandung di dalam Hadith daif, ulama Hadith secara tegas melarang mengamalkannya bagi tujuan menetapkan sesuatu hukum seperti hukum halal dan haram bagi sesuatu perkara.<sup>47</sup> Walaupun begitu, ‘ulama Hadith berbeza pendapat di dalam konteks menggunakan Hadith daif dalam menerangkan *fadail al-amal* atau keutamaan amal bagi tujuan *targhib* iaitu menggembirakan dan tujuan *tarhib* iaitu menakutkan.

Berdasarkan karya al-Sakahwi yang bertajuk *al-qawl al-badi'*, beliau menyebut bahawa Ibn Hajar mengharuskan pemakaian dan penggunaan Hadith daif berdasarkan 3 syarat.<sup>48</sup>

- i. Hadith ini tidak terlalu daif dan sekiranya diriwayatkan oleh orang yang dusta hendaklah ditolak sama sekali.
- ii. Hukum di dalam Hadith daif tersebut berasal dari sumber yang sahih dan dalil yang kuat.
- iii. Dilarang ber’iktiqad semasa menggunakan Hadith daif bahawa Nabi s.a.w. ada mengatakan yang sedemikian. Tujuan larangan ini supaya dapat dihindarkan sesuatu yang tidak dilafazkan atau dilakukan oleh Nabi s.a.w..

Pendapat Ibn Hajar ini ternyata berbeza dengan pendapat Muslim yang melarang penggunaan Hadith daif untuk segenap aspek amalan walaupun untuk menerangkan *fadail al-'amal* iaitu keutamaan amalan. Sikap mereka ini didasarkan kepada Hadith Rasulullah s.a.w. seperti berikut<sup>49</sup> yang bermaksud;

*“Sesiapa menceritakan sesuatu hal daripadaku sedangkan diketahui bahawa Hadith ini bukan dariku, maka orang itu merupakan salah seorang pendusta.”*

### Gagasan Etika Maklumat Islam

Daripada perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa disiplin Ilmu Isnad Hadith yang dirangka oleh para ulama' silam begitu kemas dan teliti khususnya bagi mendapatkan Hadith Nabi s.a.w. yang sahih dan tepat. Jika metodologi di dalam Isnad al-Hadith digunakan pula bagi menilai dan menapis sebarang maklumat yang selain dari Hadith Nabi s.a.w. khususnya, maka

<sup>47</sup> *Ibid.*

<sup>48</sup> al-Sakhawi, *al-Qawl al-badi'*, al-Madinah:1963, h.4

<sup>49</sup> Muslim, Sahih, Jil.8, h.7

sebenarnya umat Islam sebenarnya akan lebih berwibawa daripada umat yang lain kerana mempunyai satu etika maklumat Islam yang tersendiri dan bukannya dicedok daripada mana-mana acuan seperti dari Barat dan Yahudi.

Arus maklumat masa kini secara umumnya telah banyak mempengaruhi fikrah, aqidah, budaya dan sikap umat Islam. Memandangkan media massa hari ini boleh menentukan sehingga ke peringkat jatuh bangun sebuah kerajaan, maka amat menyedihkan sekiranya perkara yang sama berlaku terhadap Islam. Etika maklumat Islam yang dicadangkan dalam perspektif Ilmu Isnad al-Hadith ini boleh dijadikan sebagai landasan oleh petugas media, para pemimpin dan umat Islam secara umumnya.

Pada pandangan penulis secara umumnya terdapat beberapa gagasan etika maklumat bagi umat Islam yang dilihat dalam perspektif Ilmu Isnad al-Hadith seperti berikut;

- i. Umat Islam sewajarnya dapat mengklasifikasikan sebarang maklumat yang diterima secara objektif dan bijaksana supaya tidak menjadi “mangsa” daripada sesuatu maklumat. Secara umumnya setiap maklumat yang diterima itu mungkin boleh diklasifikasikan sebagai maklumat yang berkaitan dengan agama dan maklumat yang bukan berkaitan dengan agama secara total. Apabila menerima sesuatu maklumat yang berkaitan dengan agama, maka sewajarnya kaedah yang terdapat di dalam Isnad al-Hadith digunakan iaitu dengan meneliti kualiti si pembawa maklumat tersebut sebelum membuat sebarang justifikasi mengenainya. Kaedah ini akan dapat menyelamatkan maruah umat Islam daripada diperalatkan oleh media massa terutamanya bagi memecahbelahkan persaudaraan umat Islam sesama sendiri.
- ii. Betapa pentingnya aspek penyelidikan dan penilitian seperti yang terdapat di dalam Ilmu Isnad al-Hadith dilakukan terlebih dahulu oleh umat Islam apabila menerima sesuatu maklumat yang berkaitan dengan agama yang hanya melalui perantaraan media massa sahaja. Apatahlagi sekiranya tidak diketahui ciri-ciri pemilik agensi media tersebut sama ada di kalangan orang Islam yang boleh dipercayai ataupun sebaliknya. Aspek ini begitu penting diberi penekanan kerana mutakhir ini agak ramai umat Islam hanya bergantung dengan bantuan media massa sahaja bagi memperolehi ilmu yang berkaitan dengan Islam. Keadaan ini berlaku mungkin kerana faktor sikap yang enggan atau kekurangan masa untuk mengikuti pendidikan secara formal atau berguru bagi mempelajari ilmu-ilmu Islam.
- iii. Para petugas di media massa seperti para wartawan dan editor Islam khususnya mestilah menghayati konsep *adil, thiqah, dabit* dan aspek-aspek lain seperti yang ditekankan di dalam Ilmu Isnad al-Hadith. Ini bertujuan

supaya mereka memiliki sifat amanah, jujur dan berkeperibadian muslim ketika menjalankan tugas menyampaikan maklumat khususnya yang berkaitan dengan persoalan agama. Sekiranya konsep-konsep yang dinyatakan di atas tidak diamalkan, maka mungkin wujud kecenderungan untuk tidak bersikap adil, khianat dan dusta di dalam menjalankan tugas khususnya di kalangan wartawan dan editor Islam. Jika realiti ini berterusan, maka ianya tidak akan dapat membentuk ke arah mewujudkan suasana budaya maklumat yang sihat dan positif bagi faedah Islam dan umatnya.

- iv. Umat Islam mestilah memiliki sikap yang berhati-hati dan tegas bagi menolak sebarang maklumat yang berkaitan dengan agama jika mempunyai unsur-unsur sensasi, spekulasi dan fitnah yang disalurkan melalui media massa yang tidak bertanggungjawab. Sikap menapis maklumat yang bercirikan seperti di atas secara objektif begitu penting dilakukan oleh umat Islam supaya konspirasi musuh Islam melalui penyebaran maklumat ini gagal mempengaruhi keperibadian umat Islam. Justeru mencontohi budaya ulama' silam khususnya di kalangan ahli Hadith di dalam menapis dan menolak maklumat-maklumat yang palsu, dusta dan fitnah melalui kaedah-kaedah yang tertentu wajar dihidupkan semula berdasarkan kepentingannya masa kini.

## **Kesimpulan**

Ilmu-ilmu tradisi Islam yang dipelopori oleh para ulama' silam ternyata tidak berkubur hanya kerana perubahan zaman yang drastik dan canggih semata-mata. Kecanggihan ulama' silam dengan keilmuan dan keintelektualan mereka di zamannya banyak memberi sumbangan kepada umat Islam sehingga ke hari ini. Sebagai buktinya di bidang maklumat yang begitu penting pada kehidupan manusia, maka Ilmu Isnad al-Hadith ini dapat dijadikan sebagai etika yang ampuh untuk dihayati oleh umat Islam. Melalui etika maklumat ini sewajarnya umat Islam dapat menangkis proses penjajahan yang terus dilakukan secara halus dan profesional oleh pihak mustakbirin musuh Islam.